



KERAJAAN MALAYSIA

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

PPK 8
(Disemak 2012)

MAC 2013

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

PPK 8 (Disemak 2012)

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PPK 8

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Dikeluarkan oleh:

Akauntan Negara Malaysia,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Aras 1-8, No. 1, Persiaran Perdana,
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 W.P. Putrajaya.

Tel: 03-88821000

Faks: 03-88821042

Emel: janm@anm.gov.my

Laman sesawang: www.anm.gov.my

KANDUNGAN

<i>Perenggan</i>	<i>Isi Kandungan</i>	<i>Muka Surat</i>
1	Pengenalan	1
2	Tujuan	1
3	Skop	1
4	Latar Belakang	1
5	Definisi Penyata Akaun Memorandum	2
6	Klasifikasi Akaun Memorandum	2
7	Dasar dan Kaedah Perakaunan	4
8	Persembahan dalam Penyata Kewangan	5
9	Tarikh Kuat Kuasa	5

1. PENGENALAN

PPK 8 (Disemak 2012) Penyata Akaun Memorandum menggantikan PPK 8 (2007) selaras dengan PPK 2 (Disemak 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan.

2. TUJUAN

Piawaian ini bertujuan untuk menetapkan format persembahan Penyata Akaun Memorandum mengikut kehendak Seksyen 16(1)(e) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

3. SKOP

Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi perakaunan, penyediaan dan persembahan Penyata Akaun Memorandum sebagai sebahagian daripada penyata kewangan kerajaan.

4. LATAR BELAKANG

4.1 Piawaian Penyata Akaun Memorandum adalah satu garis panduan bagi menyeragam amalan perakaunan yang merangkumi definisi, klasifikasi, dasar dan kaedah perakaunan, dan persembahan dalam penyata kewangan kerajaan berasaskan:

- 4.1.1 Perlembagaan Persekutuan
- 4.1.2 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]
- 4.1.3 Akta berkaitan akaun memorandum berkenaan
- 4.1.4 Aturan dan peraturan yang berkuat kuasa
- 4.1.5 Arahan Perbendaharaan

4.2 Mana-mana perenggan di dalam piawaian ini yang merujuk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah juga dirujuk kepada peruntukan undang-undang negeri yang berkaitan mengikut mana yang berkenaan melainkan dinyatakan secara khusus.

5. DEFINISI PENYATA AKAUN MEMORANDUM

5.1 Definisi

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset kewangan dan liabiliti kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

6. KLASIFIKASI PENYATA AKAUN MEMORANDUM

6.1 Memorandum Aset

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu pinjaman boleh dituntut dan pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

6.1.1 Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman boleh dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri kepada pihak berkenaan seperti berikut:

- (a) Kerajaan negeri
- (b) Pihak berkuasa tempatan
- (c) Badan berkanun
- (d) Koperasi
- (e) Syarikat
- (f) Perseorangan dan
- (g) Pelbagai

6.1.2 Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam badan berkanun, saham dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, saham dalam syarikat berkaitan kerajaan, agensi antarabangsa dan syarikat-syarikat lain.

6.2 **Memorandum Liabiliti**

Memorandum liabiliti menunjukkan hutang kerajaan dan pelbagai liabiliti yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Memorandum liabiliti diklasifikasikan seperti berikut:

6.2.1 **Hutang Awam**

Hutang awam adalah baki hutang pinjaman dalam negeri, pinjaman luar negeri dan bantuan luar negeri.

6.2.2 **Pelbagai Liabiliti**

6.2.2.1 **Nota Kena Bayar**

Nota kena bayar adalah amaun yang akan dibayar pada suatu masa akan datang mengikut jadual atau di atas permintaan agensi antarabangsa yang mana Kerajaan Persekutuan menjadi ahli agensi berkenaan.

6.2.2.2 **Sekuriti Tak Dituntut**

Sekuriti Tak Dituntut adalah saham yang diserahkan kepada Akauntan Negara di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965, Akta Pemegang Amanah 1949 dan Akta Syarikat Amanah 1949. Saham tersebut dipegang oleh kerajaan sehingga dituntut oleh empunya yang sah atau dilupus kerajaan.

6.2.2.3 **Akaun Depositori Pusat**

Akaun Depositori Pusat adalah amaun sekuriti yang telah dipindahkan kepada Akaun Depositori Pusat - Menteri Kewangan mengikut kehendak Seksyen 14, 29 dan 30 Akta

Perindustrian Sekuriti (Depositori) (Pindaan No.2) 1998. Saham tersebut dipegang oleh kerajaan sehingga dituntut oleh empunya yang sah dengan cara dijual atau dilupus.

6.3 Pengecualian

Aset kewangan dan liabiliti yang tidak dilaporkan di perenggan 6.1 dan 6.2 di atas hendaklah dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum jika relevan.

7. DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN

7.1 Perakaunan Akaun Memorandum

7.1.1 Aset Kewangan

Pelaburan dan pemberian pinjaman oleh kerajaan adalah dipertanggungkan kepada perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan atau akaun amanah. Aset tersebut tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan tetapi dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

7.1.2 Liabiliti

Baki hutang kerajaan tidak dilaporkan sebagai liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan tetapi dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

Liabiliti lain seperti nota kena bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat hendaklah dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

8. PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN

Persembahan penyata kewangan tahunan hendaklah mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan.

8.1 Angka Perbandingan

Amaun tahun sebelumnya hendaklah dinyatakan sebagai angka perbandingan.

9. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa piawaian ini bermula dengan tahun kewangan 2012.



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2014
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel: 03-92366888 Fax: 03-92224773